

TRAGEDI KEBAKARAN SG LONG & TANJUNG SEPAT

NOR AZHAN MO GHAZAL & MUHAMMAD AFHAM RAMLI FOTO: HESAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

Atuk, nenek dan dua cucu maut

Dipercayai dibunuh sebelum dibakar di kediaman mereka pada kejadian awal pagi semalam



Anggota bomba menjalankan pemeriksaan di kawasan rumah yang terbakar.

KUALA LANGAT - Dua warga emas dan dua kanak-kanak lelaki maut dalam kebakaran di sebuah rumah di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, di sini awal pagi semalam.

Penolong Pengarah Operasi Negeri Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pasangan warga emas yang maut merupakan datuk dan nenek kepada kanak-kanak terbabit.

Mangsa yang maut dikenal pasti sebagai Lim Mai Shak, 68; Chia Tee Nang, 73, dan Chia Yuan Bin manakala seorang lagi belum dapat dikenalpasti dan masing-masing berusia tiga dan sembilan tahun.

"Mangsa pertama dan kedua masing-masing dijumpai jam 6.43 dan 6.47 pagi manakala mangsa ketiga dan keempat pula ditemui 11 minit kemudian," katanya.

Beliau berkata, keseluruhan bahagian rumah hangus 100 peratus.

"Bomba terima panggilan berhubung



MOHD SANI

kejadian kira-kira jam 6.08 pagi. "Seramai 15 anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat Sepang dan KLIA dikejarkan ke tempat kejadian," katanya.

Sementara itu, menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat, pasangan warga emas serta dua cucunya dipercayai dibunuh

sebelum dibakar.

"Pihak kami menerima panggilan berhubung kejadian kira-kira jam 5.50 pagi. Hasil siasatan awal bomba mendapati ada unsur khianat.

"Pasukan Siasatan Tempat Kejadian (CSI) Polis Selangor mendapati terdapat kesan luka dipercayai tetapan pada badan tiga daripada mangsa terlibat," katanya.

Katanya, bagaimanapun, punca kematian akan disahkan sepenuhnya selepas bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Tak sempat bercuti ke Pulau Ketam

"KAMI dah rancang untuk bercuti ke Pulau Ketam," kata saudara kepada mangsa yang maut.

Hanya mahu dikenali sebagai Chia, ahli keluarga kepada Lim Mai Shiak, 68, itu berkata, dia yang bekerja sebagai guru hanya mengetahui kejadian kira-kira jam 8 pagi ketika berada di rumahnya di Kuala Lumpur.

"Adik saya telefon beritahu

mengenai kejadian itu. Terkejut dengan berita itu, saya terus bergegas pulang," katanya ketika ditemui pemberita.

Menurutnya, dia tidak dapat menyembunyikan rasa sedihnya dengan insiden yang menimpa ahli keluarganya itu.

Chia berkata, dia bertemu mangsa buat kali terakhir minggu lalu.

"Kami bercuti bersama-sama ke Vietnam pada 4 Disember lepas. Kami pulang Ahad lalu, itu kali terakhir kami berjumpa sebelum merancang hendak bercuti di Pulau Ketam, Klang tidak lama lagi.

"Nampaknya hasrat itu tidak kesampaian, saya pasrah. Saya harap penjenayah yang melakukan kejadian ini dapat ditahan," katanya.

Nampak lelaki bertopeng bunuh atuk



Kebakaran menyebabkan keseluruhan rumah hangus 100 peratus.

SAUDARA kepada seorang mangsa dikenal sebagai Helen, 35, berkata, sewaktu kejadian terdapat tiga kanak-kanak, seorang daripadanya berjaya menyelamatkan diri.

Helen berkata, terdapat kesan cedera di leher kanak-kanak itu dan kini dirawat di hospital.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendent Azizan Tukiman ketika dihubungi mengesahkan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun selamat dalam kejadian itu.

Kanak-kanak tersebut sempat menyaksikan nenek, datuk, adik dan sepupunya ditetak seorang lelaki sebelum rumahnya dibakar.

Kanak-kanak itu menceritakan

detik kejadian melalui satu video berdurasi 1 minit 37 saat yang dirakam jirannya selepas menyelamatkan diri.

Katanya, suspek memecah masuk kediaman yang dihuni bersama empat ahli keluarganya sambil mengacukan parang.

"Saya lari ke tandas selamatkan diri. Masa tu saya tengok ahli keluarga kena tetak sebelum lelaki itu nyalakan api.

"Saya dengar dia cakap tapi tak nampak muka sebab dia pakai topeng," katanya.

Menurutnya, dia hanya keluar sebaik lelaki itu beredar dengan mengayuh basikal ke kawasan sekitar bagi mendapatkan bantuan jiran.

Ek ELEH

SPRM
TAK DAKWA
ANNUAR MUSA
kerana kekurangan
bukti!

JANGAN
PULAK TUDUH
SPRM
buat dakwaan terpilih!



Ibu bapa tidak tinggal bersama

IBU BAPA kepada dua kanak-kanak yang maut dalam kebakaran semalam tidak berada di rumah ketika kejadian berlaku kerana masing-masing tinggal di Kuala Lumpur.

Saudara mangsa hanya mahu dikenali sebagai William, 26, berkata, bapa kepada kanak-kanak itu merupakan adik-beradik yang juga orang kurang upaya (bisu) menetap di Kuala Lumpur.

"Ibu bapa mereka hanya pulang ke rumah ini seminggu sekali menjenguk anak masing-masing.

"Ketika kejadian hanya terdapat lima ahli keluarga di rumah berkenaan termasuk seorang kanak-kanak yang terselamat berusia 12 tahun," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di lokasi kejadian di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, di sini, semalam.

Menurutnya, kanak-kanak yang terselamat itu kini di bawah jagaan pihak polis atas faktor keselamatan kerana kebakaran itu dikaitkan dengan perbuatan khianat.

• PENGARAH URUSAN KUMPULAN/CEP/PENERBIT: DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HU YAACUB • KETUA PEGAWAI OPERASI KUMPULAN: SYAMIL FAHIM MOHD FAHIM • KETUA PEGAWAI KEWANGAN: AKMAL EIRFAN MOHD FAUZI
• PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL: DATUK ABD JALIL ALI • KETUA PENGARANG KUMPULAN: NORDEN MOHAMED • PENGARANG BERITA: AZMI TARMIZI
• TIBALAN PENGARANG BERITA: FARUSH KHAN • PENOLONG PENGARANG BERITA: ONG BOON TECK • PENGURUS BESAR PENGEDARAN & JUALAN: HASLI MAT SOH

EDITOR EDISI NASIONAL: KHAIRUL AMRI YASIN • EDISI SELANGOR/KL: MOHD HANAFIAH HASHIM • EDISI KELANTAN: WAN SURYANA TON MOHAMAD • EDISI PAHANG: ZAILA ALI • EDISI TERENGGANU: ZULKHAIRIL ZAINUDDIN
• EDISI UTARA: BADRULDIN ZAKARIA • EDISI PERAK: WAN NOR ROSIDA HAMAD • EDISI JOHOR: AZWANI GHANI • EDISI MELAKA: AHMAD SYAHRUL DERAUH • PENGARAH SENI: ZAINUDDIN HARON

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013601 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepena 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Tel: 03-51017480 (Unit Langgangan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my